

MAHATHI R-MAS

1984

KUALA LUMPUR, 17 JULAI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMADHARI INI MEMBIDAS BRITAIN KERANA ENGGAN MEMBENARKAN SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA MAS MENGADAKAN SATU PENERBANGAN TAMBAHAN KE LONDON.

PERDANAMENTERI BERKATA MAS SEHARUSNYA DIBENARKAN MENGADAKAN PERKHIDMATAN BIASA KE DESTINASI-DESTINASI YANG UTAMA DI DUNIA TERMASUK LONDON.

BELIAU MELAHIRKAN KEKESALAN MALAYSIA TERHADAP KEENGGAN PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM BRITISH UNTUK MEMBENARKAN MAS MENGADAKAN SATU PENERBANGAN TAMBAHAN KE LONDON DI SEMINAR MENGENAI HUBUNGAN PERDAGANGAN TIDAK KETARA MALAYSIA-BRITISH DI HOTEL HILTON DI SINI.

SEMINAR DUA HARI ITU ANJURAN BERSAMA MAJLIS EKSPORT TIDAK KETARA BRITISH DAN MAJLIS PERDAGANGAN TIDAK KETARA MALAYSIA DIHADIRI OLEH 300 USAHAWAN DAN PENIAGA DARI KEDUA-DUA NEGARA TERMASUK 17 ORANG PERWAKILAN DARI UNITED KINGDOM DAN DUA ORANG DARI MAJLIS EKSPORT TIDAK KETARA BRITISH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERXTAHU BRITISH BAHAWA SISTEM YANG DIAMALKAN SEKARANG DENGAN MEMPERHITUNGKAN PERMINTAAN KEKERAPAN PENERBANGAN BERASASKAN PRESTASI TANPA MENGIRA FAKTOR-FAKTOR LAIN YANG SAMA PENTINGNYA TIDAK AKAN MEMBAWA KEADILAN BAGI NEGARA-NEGARA SEPERTI MALAYSIA.--LAGI.

1314MST 17 07 84

DATUK SERI DR. MAHATHAIR BERKATA, +SEMASA MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI SYARIKAT PENERBANGAN, SESIAPA SAJA BEBAS MEMBAWA PENUMPANG DAN BARANGAN KITA. APABILA KITA MEMPUNYAI SYARIKAT PENERBANGAN SENDIRI SYARAT-SYARAT YANG MERUGIKAN KITA TELAH DIPINDA BEBERAPA KALI+.

TEGURAN DATUK SERI DR. MAHATHIR INI ADALAH EKORAN DARIPADA KENYATAAN SETIAUSAHA NEGARA BAGI PENGANGKUTAN BRITISH, ENCIK DAVID MITCHELL YANG MENGATAKAN BAHAWA BRITAIN SEDIA MEMBENARKAN PENERBANGAN TAMBAHAN DI ANTARA MALAYSIA DAN UNITED KINGDOM SEKIRANYA WAJAR DI BAWAH PERATURAN YANG TELAH DIPERSETUJUI DI ANTARA PIHAK BERKUASA AERONOTIKAL BERHUBUNG DENGAN PENGALIRAN TRAFIK YANG BERKENAAN.

ENCIK MITCHELL TELAH MEMBERITAHU PARLIMEN BRITISH BAHAWA YANG DIBENARKAN SEKARANG IALAH EMPAT PENERBANGAN UNTUK MAS DAN BRITISH AIRWAYS JUGA EMPAT PENERBANGAN.

MENURUT BELIAU PARA PENUMPANG DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA TIDAK MENCUKUPI BAGI MEMBENARKAN PENERBANGAN TAMBAHAN.

KENYATAAN INI MENIMBULKAN TENTANGAN DARS BERBAGAI-BAGAI PIHAK DI SINI TERMASUK INDUSTRI PELANCONGAN YANG MENUDUH BRITAIN MENGAMALKAN DASAR YANG BERBEZA-BEZA UNTUK MENGIRA KEMAMPUAN MUATAN SEBAGAI SATU FAKTOR TERHADAP PERMINTAAN MAS UNTUK MENAMBAH KEKERAPAN PENERBANGAN KE LONDON --LAGI

1414MST 17 07 84

MAHATHIR R-MAS 3 KUALA LUMPUR
MAS MENGUJAH STATISTIK MENUNJUKKAN BAHAWA PERJANJIAN UDARA DI
ANTARA BRITAIN DAN MALAYSIA MEMBENARKAN PENERBANGAN TAMBAHAN
SEKIRANYA FAKTOR MUATAN YANG DISATUKAN MELEBIHI 67 PERATUS.
SAMBIL MENJELASKAN DASAR MALAYSIA DALAM MENGGALAKKAN
PELANCONGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA GALAKAN
PELANCONGAN SEBAGAI SATU KEUTAMAAN NEGARA ADALAH DALAM KONTEKS
GALAKAN YANG SEKEMBANG BAGI MENARIK PELANCONG
-PELANCONG DALAM NEGERI, PELANCONG SERANTAU DAN PARA PELANCONG DARI
LUAU.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KEPUTUSAN TELAH DIAMBIL BAGI
MENINGKATKAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN DI ANTARA MALAYSIA DAN
JIRAN-JIRANNYA, DI SAMPING MENYEDIAKAN TEMPAT PENGINAPAN DAN
KEMUDAHAN REKREASIDIL MALAYSIA..

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SATU CIRI PENTING PROGRAM GALAKAN
PELANCONGAN IALAH PENGEMBANGAN KEKERAPAN PENERBANGAN DAN HUBNUNGAN
DI ANTARA MALAYSIA. DAN NEGARA-NEGARA LAIN.

DENGAN DEMIKIAN ADALAH MENJADI KEUTAMAAN BAGI SISTEM PENERBANGAN
MALAYSIA SUPAYA DIBENARKAN MENAMBAH PENERBANGAN KE
DESTINASI-DESTINASI UTAMA DUNIA TERMASUK LONDON, TOKYO, SYDNEY DAN
KEDUA-DUA KAWASAN PANTAI AMERIKA SYARIKAT. --LAGI

MAHATHIR-MAS 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMD BERKATA ANTARA PERKARA-PERKARA YANG TIDAK KETARA, GALAKAN PELANCONGAN LAH YANG PALING BANYAK MEMBUKA PROSPEK-PROSPEK YANG SEGERA MENDATANGKAN FAEDAH.

MALAYSIA MEMBELANJAKAN M\$2.1 RIBU JUTA BAGI PELANCONGAN DAN PELAJARAN DI SEBERANG LAUT, DAN INI TIDAK TERMASUK TAMBANG PENUMPANG.

PELANCONGAN KE DALAM NEGERI MANGHASILKAN KIRA-KIRA SEPARUH DARIPADA JUMLAH TERSEBUT TAHUN LALU.

BAGAIMANAPUN BELIAU MAENYESALI BAHAWA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN: MALAYSIA MASIH BELUM MENGEKSPLOIT POTENSI PELANCONGAN DENGAN SEPENUHNYA--BUKAN SEKADAR DARIPADA PELANCONG-PELANCONG LUAR MALAHAN DARIPADA PELANCONG-PELANCONG MALAYSIA DI SAMPING MELALUI GANTIAN IMPORT SUPAYA PERTUKARAN WANG ASING DAPAT DISELAMATKAN.

BAGI MEMENUHI KEHENDAK + BIDANG YANG BEGITU LUAS+ DENGAN PALING BERKESAN, PERDANA MENTERI MENCADANGKAN PENYUSUNAN SATU PERANCANGAN SECARA BESAR-BESARAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI MEMASTIKAN PELANCONGAN SERAMPANG DUA MATA DIMAJUKAN SECARA SISTEMATIK DAN BERTUJUAN, SEJAJAR DENGAN PENGEKALAN NILAI-NILAI NASIONAL DAN WARISAN KEBUDAYAAN NEGARA.--LAGI

1552487 17 07 84

0668

R 8402 DEB

MAHATHIR-MAS 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI LALU BERPESAN KEPADA SEMUA RAKYAT MALAYSIA: + SEKIRANYA KITA MAHU TERUS MENGIMPORT BARANGAN DAN PERKHIDMATAN GANJARILAH DENGAN MEMBANYAKKAN EKSPORT - BUKAN SEKADAR MENGEKSPAORT BARANGAN MALAHAN PERKHIDMATAN.

+SEKIRANYA KITA TERUS MELANCONG KELUAR, NEGERI SEPANJANG TAHUN-KITA PERLU LAH MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI BUKA N RAKYAT MALAYSIA MELAWAT PANTAI-PANTAI KITA YANG TERSERGAM INDAH DAN TAMAN NEGARA, MENIKMATI PELBAGAI MAKANAN DAN KEBUDAYAAN KITA+

BELIAU BERKATA NEGARA INI MEMERLUKAN PENGALIRAN HASIL PELANCONG BAGI MENGIKIMBANGI PERBELANJAAN PARA PELANCONG KITA DI LUAR NEGERI KERANA TIDAK ADA NEGARA ATAU RAKYAT YANG DAPAT MENIKMATI HIDUP TANPA BERUSAHA MENDAPATKAN WANG YANG DIPERLUKAN UNTUK MENGECAPI SEGALA NIKMAT HIDUP.

TAMBAH BELIAU 4 CC BARAN BESAR YANG KITA HADAPI BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN KITA UNTUK MENGAWAL DAN MENGURANGKAN DIFISIT PERKHIDMATAN YANG KIAN BERTAMBAH

BERHUBUNG DENGAN PELANCONGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA STRATEGI UNTUK MENAMPUNG DIFISIT PERKHIDMATAN YANG KIAN BERTAMBAH IALAH MENGGALAKKAN RAKYAT MALAYSIA SUPAYA LEBIH BANYAK MELANCONG DI NEGARA SENDIRI DAN MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG ASING MELAWAT NEGARA INI TERUTAMA SEKALI DARI NEGARA-NEGARA JIRAN.--BERNAMA

1618487 17 07 84